

## Promosi Bersama Hong Leong Islamic Bank & Kakitangan.com – Izinkan kami mengelolakan keperluan Kakitangan HR anda

**Promotion Period**

*Kemaskini terakhir pada 14 Mac 2018*

“Promosi Bersama Hong Leong Islamic Bank & Kakitangan.com – Izinkan kami Mengelolakan keperluan Kakitangan HR anda” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) [disebut sebagai “Bank”] bermula pada 26 Mac 2018 hingga 26 Mac 2019 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Promosi”) melainkan diberitahu sebaliknya.

### Terma dan Syarat

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut.

#### Kelayakan

1. Promosi ini terbuka kepada pelanggan bukan individu Bank yang baharu dan sedia ada yang melanggan perkhidmatan perbankan internet/dalam talian modul e-Bayaran semasa Tempoh Promosi yang disediakan oleh HLISB (tertakluk kepada Akaun Semasa-i Tawarruq sahaja) kepada pelanggan perbankan perniagaannya (“Peserta”).
2. Status akaun semasa-i Peserta HLISB mestilah kekal aktif dan berkedudukan baik sepanjang Tempoh Sah seperti ditakrif dalam Fasal 5(a) di bawah.
3. Peserta Layak yang tidak melakukan sebarang bayaran gaji melalui **Perbankan Internet Perniagaan HL** yang ditakrif dalam Fasal 4 tidak layak menikmati Pengecualian Caj Perkhidmatan.

#### Kaedah Promosi

4. Seseorang Peserta layak menyertai Promosi jika Peserta itu mendaftar untuk menggunakan platform perisian dalam talian yang menawarkan perkhidmatan berkaitan sumber manusia yang termasuk modul gaji dan cuti melalui laman web Kakitangan.com (“Perkhidmatan”) dengan Akaun semasa-i Bukan Individu Bank yang telah berjaya didaftarkan untuk HL ConnectFirst iaitu perkhidmatan perbankan internet/dalam talian yang disediakan oleh Bank kepada pelanggan perbankan perniagaannya (“Perbankan Internet Perniagaan HL”) semasa Tempoh Promosi (“Peserta Layak”).
5. Tertakluk kepada Fasal 6 di bawah, Peserta Layak akan berhak menikmati :
  - a) Pengecualian caj bulanan (“Pengecualian Caj”) bagi Perkhidmatan untuk tempoh 6 bulan berturut-turut (“Tempoh Sah”) bermula dari bulan pertama ketika Peserta mendaftar diri untuk Perkhidmatan itu.
  - b) Tertakluk kepada kelulusan Bank yang hendaklah atas budi bicara mutlak Bank, pengecualian caj bulanan Perkhidmatan untuk enam (6) bulan lagi bermula dari tarikh luputnya Tempoh Sah (“Pengecualian Lanjutan”) asalkan baki purata harian dalam akaun semasa-i Peserta Layak dalam empat (4) bulan pertama dari bermulanya Tempoh Sah (“Baki Purata Harian”) dikekalkan sebanyak RM10,000 atau lebih.

Baki Purata Harian dikira berdasarkan agregat jumlah baki penutup harian dalam akaun semasa Peserta dibahagikan dengan jumlah bilangan hari dalam 4 bulan seperti digambarkan di bawah:

Baki Purata Harian = Hasil tambah Baki Penutup Harian 4 bulan dalam  
akaun semasa-i Peserta Layak

—————  
Bilangan hari dalam 4 bulan

6. Untuk membolehkan Peserta Layak menikmati Pengecualian Caj dan/atau Pengecualian Lanjutan Perkhidmatan, kriteria berikut mestilah dipenuhi:
  - a) Menggunakan **Perbankan Internet Perniagaan HL** untuk muat naik fail gaji untuk membuat bayaran gaji kepada kakitangannya; dan

- b) Menggunakan **Perbankan Internet Perniagaan HL** sekurang-kurangnya sebulan sekali untuk membayar gaji kakitangan.
7. Bagi mengelakkan keraguan:-
- a) Peserta mestilah mengemukakan borang permohonan e-Bayaran **Perbankan Internet Perniagaan HL** mereka masing-masing yang telah sempurna diisi dan segala dokumen sokongan yang dikehendaki (**disebut secara kolektif “Dokumen Dikehendaki”**) di mana-mana cawangan Bank semasa Tempoh Promosi jika Peserta belum lagi menjadi pengguna modul e-Bayaran Perbankan Internet Perniagaan HL;
- b) Peserta yang mengemukakan borang permohonan **Perbankan Internet Perniagaan HL** yang tak lengkap dan/atau gagal mengemukakan segala Dokumen Dikehendaki semasa Tempoh Promosi tetapi kemudiannya menyerahkan borang permohonan **Perbankan Internet Perniagaan HL** yang lengkap dan/atau Dokumen Dikehendaki selepas Tempoh Promosi tidak layak menyertai Promosi.
8. Bank tidaklah bertanggungjawab terhadap dan tidak mempunyai sebarang kawalan apa jua pun ke atas kesesakan trafik rangkaian, kegagalan dan/atau gangguan rangkaian yang mungkin dialami penyedia perkhidmatan telekomunikasi (“**Telco**”) masing-masing sehingga menyebabkan kelewatan memproses fail gaji setelah dimuat naik Perbankan Internet Perniagaan Hong Leong
9. Peserta Layak akan diberi mel terus elektronik (“**EDM**”) yang dihantar oleh Bank menerusi DCATALYST SDN BHD (737636-T) untuk mendaftar bagi Perkhidmatan itu, dihantar kepada alamat emel Akaun Semasa bukan individu yang mendaftar dengan Bank tidak lebih daripada enam puluh (60) hari setelah berjaya mendaftar untuk Perbankan Internet Perniagaan HL.

#### **Kelayakan Mendapat Pengecualian**

10. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan atau kerosakan borang permohonan e-Bayaran **Perbankan Internet Perniagaan HL** dan Dokumen Dikehendaki serta dokumen berkaitan yang lain ketika menyerahkan/mengemukakan kepada Bank. Bukti penyerahan borang permohonan e-Bayaran Perbankan Internet Perniagaan HL, Dokumen Dikehendaki dan dokumen berkaitan yang lain tidak boleh dianggap sebagai pengesahan penerimaan borang permohonan e-Bayaran **Perbankan Internet Perniagaan HL**, Dokumen Dikehendaki dan dokumen berkaitan yang lain oleh Bank dalam bentuk fizikal.
11. Bank tidak memberi sebarang representasi atau waranti berkenaan Perkhidmatan dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang ditanggung oleh Peserta Layak berbangkit daripada atau berkaitan dengan kegagalan, gangguan perkhidmatan, kekurangan atau kesilapan Perkhidmatan, termasuk sebarang ralat atau kekurangan yang disebabkan oleh atau berbangkit daripada penggunaan Perkhidmatan itu oleh Peserta Layak. Sebarang pertikaian, tuntutan dan/atau waranti mengenai Perkhidmatan hendaklah diselesaikan antara Peserta Layak dengan penyedia perkhidmatan Kakitangan iaitu Coastal Hectare Sdn Bhd (No. Syarikat: 1112266-U) (“**Penyedia Perkhidmatan**”), tanpa bantuan Bank.
12. Sebaik menggunakan Perkhidmatan, maka terma dan syarat yang ditetapkan oleh Penyedia Perkhidmatan akan diguna pakai. Untuk maklumat lanjut mengenai terma & syarat Penyedia Perkhidmatan, sila rujuk kepada <https://app.kakitangan.com/landing/terms>.
13. **Pengecualian Caj** dan/atau **Pengecualian Lanjutan** bagi Perkhidmatan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.
14. Walau apa pun terkandung di dalam ini, **Pengecualian Caj** dan/atau **Pengecualian Lanjutan** akan dihentikan jika status akaun Peserta Layak menjadi dorman, dikunci, disekat, digantung dan tak aktif semasa Tempoh Promosi.
15. Apabila tamat Tempoh Sah, Peserta Layak bertanggungjawab sepenuhnya untuk memperbaharui Perkhidmatan secara terus dengan Penyedia Perkhidmatan, jika Peserta Layak ingin terus menggunakan Perkhidmatan, maka Peserta Layak bertanggungjawab sepenuhnya untuk membayar segala fi dan caj yang dikenakan oleh Penyedia Perkhidmatan bagi Perkhidmatan itu.

## Terma dan Syarat Am

16. Dengan menyertai Promosi ini, Peserta bersetuju bahawa:
- mereka telah membaca dan memahami Terma & Syarat di dalam ini dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Promosi ini dan Terma & Syarat berkaitan yang lain yang dikenakan dari semasa ke semasa oleh Bank;
  - keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Promosi ini termasuk **Pengecualian Caj** dan/atau **Pengecualian Lanjutan** adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Peserta dan sebarang surat-menyerurat tidak akan dilayani; dan
  - semua transaksi seperti yang dirakamkan oleh Bank adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Peserta
17. Bank berhak:
- menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat di dalam ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada) penukaran amaun Pengecualian Caj dan/atau Pengecualian Lanjutan, keseluruhan atau sebahagian, atau menggantung atau menamatkan Promosi menurut budi bicara mutlaknya dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan/atau [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank, untuk memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta tentang penambahan, pengguguran atau pemindaan Terma & Syarat tersebut atau penggantung atau penamatan Promosi ini;
  - melucutkan kelayakan mana-mana Peserta daripada menyertai Promosi ini dan/atau daripada menikmati Pengecualian Caj dan/atau Pengecualian Lanjutan dan/atau mendapat balik Pengecualian Caj dan/atau Pengecualian Lanjutan yang diberi, jika:
    - mana-mana akaun semasa Peserta ditutup oleh Peserta dan/atau Bank atas apa jua sebab sekalipun;
    - status **Perbankan Internet Perniagaan HL Peserta** telah menjadi dorman, dikunci, disekat, digantung atau tak aktif semasa Tempoh Promosi;
    - Peserta telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan dan kesalahan undang-undang (termasuk perjudian) berkaitan dengan mana-mana akaun Peserta dan/atau apa-apa perkhidmatan atau kemudahan lain termasuk **Perbankan Internet Perniagaan HL**, seperti ditakrif dalam Laman Web Bank;
    - Peserta telah diisytiharkan mufliis atau telah bubar (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi;
    - Pengecualian Caj** dan/atau **Pengecualian Lanjutan**, dikreditkan atau dilayakkan kepada sebuah syarikat yang tidak layak menyertai Promosi ini selaras dengan Terma & Syarat di dalam ini; dan/atau
    - sekiranya mana-mana terma dan syarat terkandung di dalam ini tidak dipatuhi; dan
  - Menamatkan Promosi dengan memberi satu bulan notis kepada Peserta
18. Terma & Syarat di dalam ini hendaklah dibaca bersama-sama terma dan syarat berkaitan yang mengawal **Perbankan Internet Perniagaan HL** ("Terma Perbankan Internet Perniagaan"). Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini dengan Terma Perbankan Internet Perniagaan, maka Terma & Syarat di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
19. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka Terma & Syarat dalam Laman Web Bank hendaklah diutamakan.
20. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia
21. Perkataan yang menandakan satu gender termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**Akaun Semasa-i Bukan Individu Hong Leong adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")**